

NAMA : TINGKATAN : TARIKH :



ADAB MEMELIHARA ALAM

Soalan aneka pilihan

1. Sebagai hamba Allah S.W.T., apakah hukum memelihara dan menjaga alam sekitar?
 - A Harus
 - B Sunat
 - C Wajib
 - D Makruh

2. Agen utama yang merosakkan alam ialah...
 - A haiwan liar
 - B manusia
 - C bencana
 - D kilang

3. Manakah antara yang berikut **bukan** kepentingan alam sekitar kepada manusia?
 - A Mengindahkan pemandangan
 - B Menjadikan manusia kaya raya
 - C Tempat untuk manusia mencari rezeki
 - D Membantu manusia dalam kehidupan

4. Apakah maksud menghargai alam?
 - A Bersyukur di atas nikmat alam tanpa memusnahkan keasliannya
 - B Menggunakan alam ini mengikut keperluan diri masing-masing
 - C Membangunkan alam ini berdasarkan kepentingan diri
 - D Menjaga alam dengan baik tanpa menggunakannya

5. Kesan utama penerokaan hutan yang berleluasa ialah...
 - A kayu balak berkurangan
 - B sungai menjadi cetek
 - C sungai menjadi sempit
 - D tanah runtuh

6. Berikut merupakan pencemaran bunyi, **kecuali**
 - A bunyi kicauan burung
 - B enjin kuari pemecah batu
 - C kerja-kerja di tapak pembinaan
 - D bunyi enjin kenderaan bermotor

7. Apakah langkah yang terbaik untuk mengatasi masalah pencemaran alam sekitar.
- A Memberikan kesedaran tentang nikmat alam sekitar
 - B Melarang penggunaan bahan berisiko terhadap alam
 - C Kerja membaik pulih oleh pihak berkuasa
 - D Penguatkuasaan undang-undang
8. Penciptaan alam sekitar yang memberi pelbagai manfaat untuk kegunaan manusia serta mempunyai keindahan yang asli adalah merupakan bukti
- I kewujudan makhluk Allah S.W.T. di bumi ini
 - II kebesaran dan kekuasaan Allah S.W.T
 - III manusia mampu memanfaatkannya
 - IV kewujudan Allah S.W.T
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
9. Punca berlakunya kerosakan dan pencemaran terhadap alam ialah
- I Menebang pokok tanpa kawalan
 - II Membuang sampah di merata tempat
 - III Membuang sampah di tempat pelupusan sampah
 - IV Membangunkan kawasan mengikut keperluan sahaja
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
10. Di antara berikut, manakah yang dianggap pencemaran bunyi
- I Bunyi kilat
 - II Bunyi kilang
 - III Bunyi ombak
 - IV Bunyi kenderaan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
11. Pencemaran alam yang berlaku disebabkan oleh kecuaiannya manusia ialah
- A banjir
 - B hakisan ombak
 - C kemarau panjang
 - D pembuangan toksik

12. Pencemaran tanah berlaku apabila
- A pemuangan bahan toksid.
 - B penanaman sayur secara hidroponik.
 - C penanaman semula pokok getah dan kelapa sawit.
 - D pemuangan sampah-sampah di merata-rata tempat.


Soalan isi tempat kosong

1. Allah mencipta dan mentadbir alam ini tanpa sebarang _____
2. Pencemaran dan kemusnahan alam sekitar menyebabkan manusia terdedah kepada pelbagai _____ yang berbahaya.
3. _____ hutan yang berleluasa menyebabkan berlakunya hakisan tanah, tanah runtuh dan sebagainya.
4. Pencemaran air bermaksud perubahan yang dilakukan pada _____, keadaan dan warna sehingga tidak sesuai untuk digunakan dan memberi kesan kepada manusia apabila menggunakannya.
5. Pencemaran bunyi ialah bunyi bising yang keterkelaluan sehingga menyakitkan.

6. Perasaan _____ dan keinginan untuk memperoleh keuntungan yang banyak mendorong seseorang itu melakukan kerosakan alam.
7. Pencemaran tanah bermaksud perbuatan yang dilakukan ke atas sesuatu kawasan sehingga terjadi pertukaran warna, kesuburan dan _____ tanah
8. Kerosakan alam sekitar banyak berpunca daripada _____ manusia
9. Antara bentuk _____ alam sekitar ialah pencemaran udara, pencemaran air dan pencemaran bunyi
10. Allah swt menyatakan bahawa kemusnahan yang berlaku di atas muka bumi ini dilakukan oleh _____
11. Salah satu langkah mengatasi pencemaran alam dengan mengadakan _____ diperingkat kampung membersihkan kawasan sekitar.
12. Asap kenderaan yang mengandungi gas karbon monoksida memberi kesan kepada pencemaran _____

Soalan 13 – 15 berkaitan peta minda

Nyatakan punca– punca berlakunya pencemaran bunyi berdasarkan peta minda di bawah ini.



BAHAGIAN B

1. Kerosakan alam sekitar disebabkan oleh tangan manusia.
Terangkan **dua** kesan perbuatan tersebut. [4 markah]
2. Jelaskan **dua** punca berleluasa berlakunya pencemaran alam. [4 markah]
3. Huraikan **tiga** kebaikan menjaga alam semulajadi dari tercemar. 6 markah]
4. Nyatakan **tiga** langkah berkesan untuk menghalang pencemaran dari terus berlaku. [6 markah]
- 5.



Gambar di atas merupakan salah satu pencemaran alam yang dilakukan oleh manusia. Andaikan anda pemimpin di kawasan tersebut, huraikan perkara yang sepatutnya anda lakukan bagi mengatasi masalah tersebut.